



YB. SOON LIP CHEE
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

**KENYATAAN MEDIA YANG BERHORMAT SOON LIP CHEE
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG
PADA 24 MEI 2021**

**MASA PENGOPERASIAN TAMAN-TAMAN AWAM SEPANJANG TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI NEGERI PULAU PINANG**

Berdasarkan SOP AM Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 22 Mei 2021 dan Soalan Lazim (FAQ) Mengenai Aktiviti Sukan dan Rekreasi di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 23 Mei 2021, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyarankan agar orang awam dapat melaksanakan aktiviti sukan dan rekreasi (terhad kepada sukan jogging, berbasikal dan senaman secara individu sahaja) dalam waktu diantara 6.00 pagi hingga 8.00 malam sahaja di taman kejiranan dan taman-taman awam yang dibenarkan dibuka atas faktor kesesuaian dan keselamatan.

Sehubungan dengan itu, orang awam adalah dinasihatkan supaya tidak menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan di kawasan kejiranan atau mana-mana kawasan dalam daerah yang sama tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa selepas 8.00 malam.

Adalah dimaklumkan bahawa masa pengoperasian taman-taman awam yang dibenarkan dibuka kepada orang awam sepanjang tempoh PKP adalah mulai jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam. Senarai taman-taman awam yang dibenarkan pembukaannya adalah Taman Bandaraya (Youth Park), Taman Metropolitan Relau dan Taman Jajar di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Taman Tugu Kota Demokrasi, Robina Eco Park, Taman Kimsar, Perai dan Taman Rekreasi Kg Sanglang, Nibong Tebal di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta Taman Botani di bawah seliaan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang.

Bilangan pengunjung bagi Taman Bandaraya (Youth Park) dan Taman Botani adalah terhad kepada 200 orang pada satu-satu masa kecuali Taman Metropolitan Relau dan Taman Jajar yang hanya terhad kepada 50 orang sahaja. Meskipun tiada had pengunjung bagi taman-taman awam yang lain, namun semua pengunjung perlu mematuhi penjarakan fizikal dan SOP yang telah ditetapkan MKN dan KBS pada setiap masa.

Untuk makluman, pelitup muka adalah tidak perlu dipakai semasa menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi. Walaubagaimanapun, pelitup muka hendaklah sentiasa dipakai sebelum dan selepas melakukan aktiviti sukan dan rekreasi.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil kira pandangan rakyat negeri Pulau Pinang agar memastikan semua rakyat dapat bersukan dalam keadaan yang selamat dengan mengambil kira isu keseimbangan dalam aspek kesihatan awam. Kerajaan Negeri memohon supaya rakyat negeri Pulau Pinang dapat bekerjasama dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak MKN dan KBS bagi membantu memutuskan rantai penularan pandemik Covid-19 ini.

SOON LIP CHEE

EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG